

Headline	Ekspedisi terokai keunikan Gunung Ledang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	v8,9	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	447 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,693
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,079



Ekspedisi terokai keunikan Gunung Ledang

Oleh Mohamed Farid Noh
mfarid@nstp.com.my

SEKUMPULAN 150 penyelidik, pakar serta pelajar bidang alam sekitar bergabung tenaga menyertai ekspedisi saintifik ke Taman Negara Gunung Ledang, Muar, Johor baru-baru ini bagi mendokumentasikan khazanah alam yang terdapat di situ.

Ekspedisi tujuh hari itu adalah yang pertama dianjurkan Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) bersama kumpulan penyelidik tempatan yang disertai pakar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Pengerusi bersama ekspedisi berkenaan, Prof

Madya Dr Mohd Nazip Suratman yang juga Ketua Unit Maklumat Strategik, Pusat Perancangan Strategik UiTM, berkata ekspedisi saintifik berkenaan adalah peluang kepada penyelidik dan pakar tempatan melakukan penyelidikan seterusnya menerbitkan sendiri jurnal kajian saintifik flora dan fauna yang terdapat di Gunung Ledang.

"Sebelum ini jurnal saintifik serta penemuan baru termasuk di kebanyakan taman negara di Malaysia banyak dimonopoli penyelidik antarabangsa, oleh itu ini adalah kesempatan terbaik kepada anak tempatan membuktikan kewibawaan mereka.

"Kami juga ditugaskan PTNJ untuk melakukan inventori serta mendokumentasikan semua flora dan fauna yang terdapat di sini berikutan kali terakhir inventori lengkap Gunung Ledang yang ber-

ketinggian 1,276 meter serta seluas 8,611 hektar ini dibuat pada 1998 dan sudah tentu terdapat perubahan termasuk kewujudan pelbagai biodiversiti dan spesies baru.

"Kami juga akan membentangkan segala hasil kajian saintifik yang dilakukan termasuk kemungkinan kewujudan spesies baru atau rekod baru dalam satu seminar yang dianjurkan PTNJ nanti," katanya selepas acara pelepasan peserta ekspedisi berkenaan.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Johor, Tan Kok Hong; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM, Prof Ir Abdul Rahman Omar; Pengarah PTNJ, Suhairi Hashim dan Wakil Naib Canselor UiTM, Prof Datin Dr Maryati Mohamed.

Sementara itu, Suhairi berkata, selain mengumpul data persekitaran fizikal, ekosistem dan kepelbagaian biologi di Gunung Ledang, kumpulan penyelidik berkenaan turut akan menilai ancaman semasa di kawasan berkenaan dan cara mengatasinya.

"Ini penting bagi PTNJ membuat persediaan terutama bagi mengatasi sebarang ancaman yang mampu mendatangkan kerosakan kepada khazanah berharga ini sekali gus mampu menjenamakan Gunung Ledang sebagai kawasan ekopelancongan terkemuka.

"Apatah lagi terdapat spesies flora unik yang tidak didapati di tempat lain terutama sejenis pakis yang dikenali sebagai *cynas cantafolia* dan menerusi penerbitan kajian ini diharapkan masyarakat akan lebih mengetahui keunikan hutan simpan," katanya.

Headline	Ekspedisi terokai keunikan Gunung Ledang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	v8,9	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	447 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,693
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,079



TAN (tengah) memotong reben semasa majlis pelepasan 150 penyelidik, pakar serta pelajar bidang alam sekitar yang menyertai ekspedisi saintifik ke Taman Negara Gunung Ledang, baru-baru ini.